

BAB KELIMA

BAB V

KESIMPULAN

Pentadbiran undang-undang pusaka di Kelantan mengalami beberapa era perubahan. Kedatangan Islam ke Tanah Melayu banyak mempengaruhi pemerintahan kerajaan Melayu pada ketika itu dan amalan masyarakatnya termasuk amalan pembahagian pusaka. Namun undang-undang perwarisan Islam berasaskan hukum faraid yang dijalankan masih terikat dengan adat-adat Melayu atau 'adat kampung' yang banyak bergantung kepada kaedah muafakat.

Sebelum zaman British, undang-undang orang Melayu mengenai harta adalah mengikut adat tempatan yang bercampur dengan undang-undang Islam.¹ Manakala di kampung-kampung di luar bandar harta pusaka dibahagi mengikut adat kampung yang mengambil kira persetujuan semua ahli waris.² Undang-undang Islam kerap dirujuk oleh pemungut Hasil Tanah dan mahkamah-mahkamah hingga boleh dikatakan undang-undang warisan yang terpakai selain dari hak isteri adalah undang-undang Islam.

Di sesetengah tempat terutamanya di Negeri Sembilan dan daerah Naning di Melaka, masyarakat di sana terus berpegang kepada adat Melayu iaitu Adat Perpatih.³

Penjajahan Inggeris telah mengakibatkan pentadbiran undang-undang Islam di negeri-negeri Melayu memberi kesan kepada bidangkuasa Mahkamah Syariah. Akta-akta dan enakmen-enakmen yang diperkenalkan telah mengubah sistem pentadbiran pusaka orang-orang Islam yang sedia ada. Campurtangan penjajah di Kelantan telah memberi kuasa pentadbiran harta pusaka mengikut hukum Islam kepada Mahkamah Sivil. Meskipun demikian pembahagian pusaka masih diberi alternatif kepada orang-orang Islam menggunakannya.

Walaupun undang-undang Islam yang terpakai dalam pembahagian harta seorang Islam yang meninggal dunia, kes-kes itu adalah diputuskan oleh Mahkamah Sivil dan bukan Mahkamah Syariah. Mahkamah Sivil dikehendaki mengenakan undang-undang Islam di dalam pembahagian harta pusaka orang-orang Islam akan tetapi dalam berbuat demikian mereka tidak merujuk kepada sumber-sumber hukum Islam iaitu al-Quran dan al-Sunnah, pendapat ulama Islam atau pendapat lain-lain pihak berkuasa Islam seperti mufti dan Mahkamah Syariah akan tetapi merujuk kepada Common Law Inggeris atau pemahaman mereka seperti di dalam kes *Hujah Lijah lwn. Fatimah*⁴

Keadaan ini berterusan sehinggalah Malaysia mencapai kemerdekaan di mana dalam Perlembagaan Malaysia, perakuan faraid, penentuan wasiat dan pemberian hibah hanya terletak di bawah peruntukan tentang bidangkuasa Mahkamah Syariah sahaja.⁵ Manakala Mahkamah Sivil dan Pejabat Tanah berhak untuk membicarakan dan mengeluarkan perintah pembahagian pusaka hartanah orang-orang Islam.

Di bawah Jadual Kesembilan, Senarai 1, Perenggan (4)(e)(1) Perlembagaan Persekutuan yang menyenaraikan harta pusaka sebagai senarai persekutuan telah mewujudkan seksyen pembahagian pusaka Kecil, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian bertujuan untuk mengurangkan bebanan tugas pentadbiran tanah daerah khususnya dan negeri amnya.

Menyentuh tentang pentadbiran, pengurusan dan undang-undang yang berkaitan dengan harta pusaka, penulis berpendapat pengenalan Akta Probet dan Pentadbiran 1959, Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 dan Akta Amanah Raya Berhad 1995 telah menyebabkan pentadbiran pusaka orang Islam disatukan di bawah pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan diletakkan di bawah bidang kuasa Mahkamah Sivil walaupun pada dasarnya ia dikatakan boleh diletakkan di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri.

Pada dasarnya Islam telah menggariskan kaedah am bagi pelaksanaan pembahagian pusaka bagi menjamin kesejahteraan masyarakat Islam dan keadilan terhadap ahli-ahli waris. Sistem pembahagian berdasarkan hukum faraid ini adalah sejajar dengan fitrah semulajadi manusia itu sendiri dan tidak perlu dipertikaikan dari aspek keadilannya.

Sifat sesetengah masyarakat Islam yang cetek pengetahuan mengenai hukum faraid dan asas yang telah digariskan oleh Islam menimbulkan masalah dari sudut kelicinan pentadbiran pembahagian pusaka. Antaranya wujud golongan tertentu yang mempertikaikan perbezaan di antara hak yang dimiliki oleh ahli waris lelaki berbanding dengan ahli waris perempuan.

Walaupun Islam menggariskan kaedah faraid di dalam penentuan hak setiap ahli waris, ianya masih menerima pembahagian mengikut kaedah muafakah setelah ahli waris menyatakan persetujuan bersama dalam menentukan kadar pembahagian dan hak-hak masing-masing. Di dalam amalan pembahagian tuntutan pusaka di Kelantan, sebahagian besarnya memilih pembahagian kaedah muafakah berbanding dengan kaedah faraid.

Dari aspek pentadbiran pusaka, masyarakat Islam rata-rata masih kurang memahami prosedur yang digunapakai bagi penyelesaian

pembahagian pusaka. Mereka menganggap bahawa proses permohonan pusaka merupakan proses yang menyulitkan dan memerlukan belanja yang besar. Akibatnya kes-kes pusaka yang sepatutnya boleh diselesaikan dalam tempoh antara 4-6 bulan terpaksa ditangguhkan sehingga bertahun-tahun menyebabkan berlakunya kematian ahli waris yang berlapis-lapis.

Umumnya, sistem pentadbiran harta pusaka orang Islam di Malaysia amnya dan di Kelantan khususnya kini tidak terkeluar dari landasan-landasan Syariah. Proses pembahagiannya masih tertakluk kepada hukum syarak berdasarkan hukum faraid selaras dengan parakuan sijil faraid yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah atau persetujuan bersama ahli waris.

Pentadbir Tanah atau PPP di dalam menjalankan tugasnya mengikut seksyen 19 (1) Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 perlu merujuk kepada Mahkamah Syariah sekiranya timbul kerumitan berkaitan dengan Undang-Undang Islam atau adat Melayu seperti dalam kes tuntutan harta sepencarian. Tindakan untuk pembahagian harta pusaka si mati diberhentikan sehingga keputusan dari Mahkamah Syariah berhubung perkara berkenaan diterima.

Pelbagai peraturan dan syarat yang diperuntukkan didalam ketiga-tiga akta ini mampu untuk menjamin kelancaran dan keadilan kepada

semua pihak. Penggunaan formaliti-formaliti yang tertentu dengan prasyarat yang perlu dipenuhi dapat dijadikan bukti yang jelas terhadap tuntutan hak seseorang pemohon. Melalui proses perbicaraan juga dapat memberikan kesempatan dan ruang kepada ahli waris untuk mengemukakan tuntutan dan mempertahankan hak mereka serta memberi peluang untuk mereka mencari kata sepakat dan penyelesaian yang baik tanpa didorong oleh perasaan tamak haloba dan sikap individualistik.

Surat Perintah yang dikeluarkan samada dalam Borang E atau surat kuasa dalam Borang T boleh dijadikan bukti penurunan milik atau pemberian kuasa mentadbir. Ini akan mengelakkan sebarang pertikaian dan perselisihan yang mungkin timbul pada masa-masa akan datang.

Amalan yang dijalankan sekarang adalah bersesuaian dengan konsep penggubalan undang-undang pembahagian pusaka kecil untuk memberi perkhidmatan yang mudah, murah dan cepat kepada masyarakat dalam pengurusan pembahagian pusaka kecil terutama kepada orang-orang Islam.

Di Kelantan, urusan penyelesaian harta pusaka hartanah menjadi tanggungjawab 3 agensi iaitu Mahkamah Tinggi, Unit Pembahagian Pusaka Kecil, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian dan Amanah Raya Berhad. Bentuk tanggungjawab di antara 3 agensi tersebut adalah

dibezakan oleh jenis harta pusaka yang ditinggalkan dan nilai harta tersebut.

Pentadbir Tanah atau PPP merupakan orang yang bertanggungjawab menguruskannya. Antara bidang kuasanya ialah mengendalikan permohonan tuntutan pembahagian harta pusaka kecil, menaksir dan menilai harta tersebut, mengadakan perbicaraan seterusnya melakukan pembahagian harta pusaka kecil kepada ahli-ahli waris yang berhak dengan berdasarkan kepada perakuan faraidh atau juga berdasarkan kepada persetujuan dan muafakah di kalangan ahli waris yang berhak.

Manakala bidangkuasa Mahkamah Syariah dalam pengurusan harta pusaka orang Islam amat terhad. Mahkamah Syariah hanya berfungsi untuk pengesahan wasiat, harta sepencarian, hibah dan nasab selain daripada mengeluarkan sijil perakuan Faraid sahaja apabila dituntut oleh pihak-pihak yang bertikai. Sedangkan lain-lain kuasa seperti perbicaraan, penyelesaian, pengeluaran perintah dan sebagainya tertakluk di bawah bidangkuasa Unit Pembahagian Pusaka JKPTG dan Mahkamah Sivil. Jelasnya, sistem pengurusan yang berlangsung sekarang lebih mementingkan peranan Mahkamah Sivil daripada Mahkamah Syariah itu sendiri walaupun pada konsepnya ia tertakluk di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri.

Walau bagaimanapun, penulis tidak menafikan bahawa ketiga-tiga akta yang dibentuk sedikit sebanyak telah memberikan sumbangan yang besar dalam sistem pembahagian pusaka yang sedang berjalan sekarang dapat menjamin kelancaran proses pengurusan dan pembahagiannya. Sememangnya ketiga-tiga akta ini bertujuan untuk menyediakan suatu peraturan yang teratur dan seragam di Malaysia.

Pengurusan harta pusaka dewasa ini menjadi semakin kompleks dengan kewujudan berbagai bentuk jenis harta alih dan tak alih serta kepentingan berbagai pihak ke atas harta-harta pusaka yang dipohon. Dengan demikian pentadbiran harta pusaka harus diurus oleh kakitangan yang cekap dan berpengetahuan yang luas dan dapat menguasai aspek perundangan yang berkaitan dengan prosedur dan pemilikan harta.

Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) sebagai jabatan yang bertanggungjawab kepada pengurusan harta pusaka kecil perlu memanfaatkan pembangunan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) dalam mengurus permohonan penyelesaian pusaka kecil yang sering dirunguti kerana proses penyelesaian mengambil masa yang begitu lama. Pengwujudan sistem pendaftaran permohonan harta pusaka berkomputer yang sedang dibangunkan sekarang perlu dimanfaatkan sepenuhnya agar lebih efisien dan berupaya mempercepatkan tempoh penyelesaian setiap permohonan pembahagian pusaka kecil daripada jangkamasa 4 ½ bulan kepada 4 bulan atau lebih cepat daripada itu.

Dengan itu juga sistem fail akan mudah diurus dan dikesan apabila diperlukan.

Penggunaan ICT dalam pengurusan harta pusaka akan lebih berkesan apabila wujud jalinan sistem yang boleh berkongsi maklumat di kalangan beberapa organisasi atau agensi kerajaan lain. Sebagai contoh maklumat-maklumat kematian, nilai harta, maklumat tanah yang diperlukan dalam urusan penyelesaian harta pusaka, dibenarkan untuk dikongsi bersama secara *on line* oleh jabatan-jabatan berkaitan. Sekiranya usaha ini dapat dilaksanakan urusan penyelesaian harta pusaka akan menjadi lebih mudah dan ringkas.

Namun beberapa langkah yang telah diambil oleh JKPTG dengan membangunkan Sistem Pendaftaran Tanah Bersepadu (SPTB) yang mula diperkenalkan secara meluas di Kelantan bermula 1 April 2001 lepas dapat melicinkan lagi pentadbiran tanah yang sedia ada. Selain itu kewujudan Sistem Maklumat Faraid yang telah dibangunkan oleh USM yang telah digunapakai oleh Unit Pembahagian Pusaka turut memudahkan PPP mendapat maklumat segera berkenaan hak-hak setiap ahli waris yang layak berdasarkan hukum faraid.⁶

NOTA HUJUNG

¹ Ahmad Ibrahim (Dr)(1965), *Islamic law in Malaya*. Singapore : MSRI Ltd., hal. 246.

² Ibid.

³ Kes *Shaik Abdul Latif & Ors lwn. Shaik Elias Bux* [1915] 1 FMSLR 204, 221

⁴ Kes *Hujah Lijah lwn. Fatimah* (1950) 16 MLJ 63

⁵ Mahmood Zuhdi Abdul Majid (1997), *Pengantar Undang-Undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur : Penerbitan Universiti Malaya, hal.124

⁶ Temubual dengan Encik Mohd. Zain bin Dollah, Penolong Pengarah Unit Pembahagian Pusaka, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian pada 19 Jun 2001.